

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## **PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN**

UTM.J.13.01/10.12/1 ( 6 )

Tarikh : **31** hb Disember 2012

Dekan-Dekan Research Alliance  
Penyelidik-Penyelidik  
Pegawai & Pen. Pegawai Penyelidik  
**Universiti Teknologi Malaysia**

Y. Bhg. Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

### **PENETAPAN GARIS PANDUAN & KADAR TUNTUTAN BAYARAN BIL INTERNET**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Dimaklumkan bahawa Bendahari melalui surat UTM.J.03.06/11.12/1/7 Jld. 5 (110) bertarikh 13 Disember 2012 telah meluluskan kertas kerja untuk penetapan garis panduan dan kadar tuntutan bayaran bil internet.
3. Pada masa sekarang kebanyakan Syarikat Telekomunikasi menawarkan pelbagai jenis pakej internet sama ada pakej untuk data sahaja atau termasuk panggilan telefon. Bahagian Kewangan RMC menerima pelbagai jenis tuntutan yang berkaitan dengan pakej internet memandangkan tiada peraturan yang ditetapkan sebelum ini.
4. Sehubungan itu satu garis panduan dan kadar tuntutan bayaran bil internet disediakan untuk menjadi rujukan kepada Penyelidik dan juga Bahagian Kewangan RMC sewaktu memproses tuntutan bayaran.
5. Garis panduan dan kadar tuntutan bayaran bil internet yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

- a. Pakej yang dibenarkan daripada Syarikat Telekomunikasi.

| <b>BIL</b> | <b>PAKEJ</b>                                   | <b>PROVIDER</b> |
|------------|--|-----------------|
| i          | DIGI Broadband sahaja dibenarkan               | DIGI            |
| ii         | Portable broadband sahaja dibenarkan           | WIMAX           |
| iii        | Streamyx – hanya pakej biasa sahaja dibenarkan | TMnet           |
| iv         | Celcom Broadband sahaja dibenarkan             | CELCOM          |
| v          | Maxis Broadband sahaja dibenarkan              | MAXIS           |
| vi         | Broadband sahaja dibenarkan                    | YES 4G          |
| vii        | Broadband sahaja dibenarkan                    | U Mobile        |

- b. Kadar yang dibenarkan adalah tidak melebihi **RM150.00** bagi setiap bil bulanan.
- c. Setiap vot hanya dibenarkan satu broadband sahaja.
- d. Pembayaran hanya akan diluluskan sekiranya dinyatakan pada proposal yang diluluskan dan mempunyai baki yang mencukupi pada agihan bajet V24000.
- e. Pakej internet untuk peranti telekomunikasi seperti iPhone, iPad, Galaxy Tab dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.


5. Dengan adanya garis panduan dan kadar tuntutan bayaran bil internet ini dapat membantu Penyelidik untuk berbelanja dengan lebih berhemah dan melancarkan proses tuntutan bayaran di Bahagian Kewangan.

6. Garis panduan dan kadar tuntutan bayaran bil internet ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2013**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Yang benar,



**PROF. DR. RUZAIRI BIN HJ. ABDUL RAHIM**

Pengarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
UTM, Johor Bahru  
 07-553 7801

s/k      Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Bendahari  
Ketua Unit Audit Dalam

No. Dokumen: 2012122116